

AKKM : 2/5/23 Jld. 2 (3)

13 Januari 2017

Setiausaha
Koperasi Ahli ANGKASA Dalam Negeri Pahang Zon 1

Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang Zon 1

Tuan/Puan

PERSIDANGAN NEGERI ANGKASA PAHANG ZON 1, 2017

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa ANGKASA telah mendapat kebenaran daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk menangguhkan Persidangan ANGKASA 2016 ke tahun 2017. Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan dalam mesyuaratnya pada 28 November 2016 telah bersetuju Persidangan ANGKASA bagi tahun 2016 diadakan bersekali dengan tahun 2017.

2. Sehubungan dengan itu, Persidangan Negeri ANGKASA Pahang Zon 1, 2017 akan diadakan pada hari **Isnin, 17 April 2017 jam 9.30 pagi bertempat di Ancasa Royale Pekan, No. 2670, Jalan Pekan-Kuantan, 26600 Pekan, Pahang**. Aturcara Persidangan seperti dilampiran.

3. Agenda dan Minit Persidangan lalu serta laporan-laporan lain akan diedarkan berasingan.

4. Dalam Persidangan ini, mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 45 (1) anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri yang akan gugur mengikut giliran bagi tahun 2016 dan 2017 dan boleh dicalonkan semula adalah seperti berikut:

Gugur Tahun 2016

<u>Nama</u>	<u>Wakil Koperasi</u>
i. Tn. Hj. Ismail Nihat	Kop. Perkhidmatan Pendidikan Melayu Pahang Timur Bhd.
ii. En. Abdul Latif Hj. Abdullah	Kop. Warisan Penghulu Pahang Bhd.
iii. Tn. Hj. Mat Husin Yunus	Kop. Perumahan Guru-Guru Melayu Pahang Timur Bhd.
iv. En. Mamat Jusoh	Kop. Serbaguna Peneroka FELDA Sungai Panching Utara Bhd.

Gugur Tahun 2017

i. Tn. Hj. Mohd. Zahidi Hj. Husain (Pengerusi)	Kop. Pekebun Kecil Daerah Pekan Bhd.
ii. Pn. Hjh. Mislia Md. Piah	Kop. Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Bhd.



<u>Nama</u>	<u>Wakil Koperasi</u>
iii. Tn. Sy. Abdl Rahiem Sy. Ab. Rahman	Kop. Kakitangan JKR & JBA Pahang Bhd.
iv. Tn. Hj. Aris @ Mahmud Basri	Kop. Serbaguna Dara Bhd.

5. Pemilihan untuk menjadi calon Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA Ke-32 akan dibuat di Persidangan Negeri. Dua (2) orang calon daripada setiap Persidangan Negeri akan dipilih untuk menjadi calon Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA Ke-32. Pemilihan Jawatankuasa akan dibuat di Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) pada bulan Mei 2017 nanti.

6. Bagi tujuan pemilihan untuk menjadi anggota JPAN dan calon Jawatankuasa Menentukan Draf Minit PKTA, koperasi ahli yang ingin mencalonkan wakil perlu mengisi Borang Pencalonan (PENCALONAN/PNPA/2017) dan kembalikan **ke Setiausaha Eksekutif ANGKASA Pusat selewat-lewatnya pada hari Sabtu, 18 Mac 2017 jam 5.00 petang. Borang Pencalonan yang diterima lewat daripada jangkamasa tersebut akan dibatalkan pencalonannya. Koperasi yang menghantar borang pencalonan adalah bertanggungjawab untuk memastikan borang pencalonan tersebut diterima oleh Setiausaha Eksekutif ANGKASA.** Maklumat lanjut mengenai pencalonan adalah seperti dalam kertas keterangan yang disertakan. Senarai nama calon yang layak bertanding akan diedarkan bersekali dengan laporan seperti dalam perkara 3 di atas.

7. Semua koperasi Ahli ANGKASA dalam Negeri Pahang Zon 1 berhak menghantar wakil mengikut UUK 46. Borang Perwakilan (PERWAKILAN/PNPA/2017) **perlu diisi dalam dua salinan.** Satu salinan perlu dikembalikan **ke Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang Zon 1** seperti alamat yang dinyatakan **selewat-lewatnya pada hari Isnin, 10 April 2017 jam 5.00 petang. Borang Perwakilan yang diterima lewat daripada jangkamasa tersebut tidak layak didaftarkan.** Satu salinan lagi hendaklah dibawa bersama pada masa pendaftaran.

8. Maklumat lanjut mengenai Persidangan Negeri 2017 seperti dalam kertas keterangan yang disertakan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



MOHAMMAD ZAMRI HAJI YAACOB AMK
Setiausaha Eksekutif

s.k. : Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pahang

: Setiausaha
Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang Zon 1

Lampiran.

**PERSIDANGAN NEGERI ANGKASA
PAHANG ZON 1, 2017**

1. PENCALONAN

1.1 KELAYAKAN CALON

- i. Koperasi ahli calon itu telah mengadakan mesyuarat Agung tahunan dalam masa dua puluh empat bulan sebelum tarikh Persidangan Negeri.
- ii. Koperasi ahli calon itu hendaklah menjadi anggota ANGKASA bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun pada tarikh Persidangan Negeri.
- iii. Calon itu sendiri telah menjadi anggota koperasi ahli bagi tempoh tidak kurang dua tahun pada tarikh Persidangan Negeri.
- iv. Calon itu sendiri telah menjadi mana-mana anggota Lembaga koperasi ahli bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun sama ada secara berterusan atau tidak pada tarikh Persidangan Negeri.
- v. Hanya calon yang menjadi perwakilan dalam Persidangan Negeri layak untuk menjadi calon bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Persidangan Kebangsaan. Calon dalam pemilihan calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Persidangan Kebangsaan di Persidangan Negeri hanya disifatkan berjaya sebagai calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Persidangan Kebangsaan bagi Negeri itu jika dia menjadi Perwakilan di Persidangan Kebangsaan.
- vi. Calon tidak layak menjadi calon bagi mana-mana jawatan dalam Jawatankuasa Perhubungan Negeri jika pada masa yang sama koperasi ahli itu mempunyai perwakilannya dalam keanggotaan Jawatankuasa Perhubungan Negeri itu.
- vii. Segala perbelanjaan calon ke Persidangan Negeri adalah atas tanggungan sendiri / koperasi.

1.2 PENCALONAN OLEH KOPERASI

- i. Pencalonan bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Persidangan Kebangsaan hendaklah dibuat dalam mesyuarat sesuatu Lembaga koperasi ahli, sama ada mesyuarat biasa atau mesyuarat khas.
- ii. Pengerusi dan Setiausaha Koperasi Lembaga koperasi ahli itu hendaklah memperakukan yang pencalonan itu telah diputuskan oleh Lembaga koperasi ahli dalam borang pencalonan yang disediakan.
- iii. Borang pencalonan itu yang telah diperakukan oleh Pengerusi dan Setiausaha Koperasi Lembaga koperasi ahli itu hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Eksekutif tidak kurang daripada tiga puluh hari daripada tarikh Persidangan Negeri itu.

- iv. Setiap calon bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Persidangan Kebangsaan hendaklah mendapat pencalonan daripada tidak kurang dua buah koperasi ahli.
- v. Pencalonan daripada Koperasi Ahli hendaklah menggunakan Borang Pencalonan yang disertakan (PENCALONAN/PNPA/2017).

1.3 PERATURAN PENCALONAN

- i. Setiausaha Eksekutif akan menghubungi calon bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang sah untuk mendapatkan persetujuan mereka sama ada mereka bersetuju menjadi calon jawatan yang berkenaan dan jika bersetuju mereka diminta memberikan maklumat yang ditentukan Jawatankuasa Perhubungan Negeri tentang latarbelakang mereka dalam borang yang disediakan.
- ii. Calon yang tidak memberi persetujuan atau tidak dapat dihubungi dalam jangkamasa yang ditentukan oleh Lembaga ANGKASA atau tidak bersetuju dicalonkan dengan sendirinya gugur dari pencalonan.
- iii. Kelayakan dan kesahihan seseorang calon hendaklah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kesahihan Wakil dan Calon.
- iv. Hanya calon yang menjadi perwakilan dalam Persidangan Negeri layak untuk menjadi calon bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Persidangan Kebangsaan. Calon dalam pemilihan calon Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Persidangan Kebangsaan di Persidangan Negeri hanya disifatkan berjaya sebagai calon Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Persidangan Kebangsaan bagi Negeri itu jika dia menjadi Perwakilan di Persidangan Kebangsaan.

1.4 TARIKH TUTUP PENCALONAN

Sila pastikan borang pencalonan **dihantar ke ANGKASA Pusat selewat-lewatnya pada hari Sabtu, 18 Mac 2017 jam 5.00 petang. Borang Pencalonan yang diterima lewat daripada jangkamasa tersebut akan dibatalkan pencalonannya. Koperasi yang menghantar borang pencalonan adalah bertanggungjawab untuk memastikan borang pencalonan tersebut diterima oleh Setiausaha Eksekutif ANGKASA.**

2. PERWAKILAN

2.1 KELAYAKAN MENYERTAI PERSIDANGAN NEGERI

'Undang-Undang Kecil (UUK) 46. Persidangan Negeri hendaklah diadakan sekali pada tiap-tiap tahun dan setiap koperasi ahli dalam Negeri berkenaan berhak menghantar perwakilan yang berikut:

- (a) Hanya perwakilan yang mematuhi kelayakan yang berikut layak menyertai Persidangan Negeri:

- (i) Perwakilan hendaklah dari kalangan anggota Lembaga koperasi ahli;
- (ii) Perwakilan hendaklah dipilih dalam mesyuarat anggota Lembaga koperasi ahli sama ada mesyuarat biasa atau mesyuarat khas; dan
- (iii) Perwakilan tidak mempunyai apa-apa sekatan kelayakan kepadanya untuk menyertai Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau mana-mana mesyuarat ANGKASA;

2.2 BILANGAN WAKIL

- 'UUK 46 (b) Bilangan perwakilan daripada sesuatu koperasi ahli yang boleh menyertai Persidangan Negeri adalah seperti berikut:
- (i) Bagi koperasi ahli yang merupakan koperasi asas, tidak melebihi-
 - (aa) Seorang bagi setiap koperasi itu yang mempunyai anggota tidak melebihi sepuluh ribu orang; dan
 - (bb) Dua orang bagi setiap koperasi itu yang mempunyai anggota melebihi sepuluh ribu orang;
 - (ii) Bagi koperasi ahli yang merupakan koperasi menengah, tidak melebihi dua orang bagi setiap koperasi itu; dan
 - (iii) Bagi koperasi ahli yang merupakan koperasi atasan, tidak melebihi tiga orang bagi setiap koperasi itu;
- 'UUK 46 (c) Sesuatu koperasi ahli hanya boleh menghantar perwakilan ke satu Persidangan Negeri sahaja, iaitu di Negeri di mana koperasi ahli itu berada. Bagi koperasi ahli yang kawasan operasinya lebih daripada satu Negeri ataupun seluruh Malaysia, maka Negerinya adalah berdasarkan kepada Negeri di mana koperasi ahli itu didaftarkan;
- 'UUK 46 (d) Seseorang anggota koperasi ahli yang dipilih sebagai perwakilan bagi sesuatu Negeri hanya boleh menjadi perwakilan bagi Negeri itu sahaja dan bukan Negeri lain dan hanya boleh menjadi anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri bagi Negeri itu sahaja. Untuk mengelakkan was-was, seseorang perwakilan hanya boleh menyertai satu Persidangan Negeri sahaja dalam tahun diadakan Persidangan Negeri dan jika perwakilan itu juga adalah anggota koperasi ahli bagi Negeri lain dan dipilih menjadi perwakilan bagi Persidangan Negeri itu, dia hendaklah memilih untuk menyertai hanya satu Persidangan Negeri sahaja yang ingin disertainya dalam tahun itu dan dia tidak boleh menyertai lebih dari satu Persidangan Negeri dan hanya boleh menjadi anggota bagi satu Jawatankuasa Perhubungan Negeri sahaja dan tidak boleh menjadi anggota bagi lebih daripada satu Jawatankuasa Perhubungan Negeri dalam tahun itu;

'UUK 46 (e) Semua anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang lama tetapi tidak mendapat mandat baru untuk menjadi perwakilan koperasi ahli masing-masing hendaklah menghadiri Persidangan Negeri bagi tempoh mandat perwakilannya yang lama itu tetapi tidak menjadi calon untuk pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang baru dan dia boleh mengundi;

2.3 **SEKATAN KELAYAKAN PENYERTAAN SEBAGAI PERWAKILAN DAN KEHADIRAN PEMERHATI BAGI KOPERASI AHLI DI PERSIDANGAN KEBANGSAAN, PERSIDANGAN NEGERI DAN LAIN-LAIN**

'UUK 19 Mana-mana koperasi ahli yang tidak mengadakan mesyuarat agung tahunannya dalam masa dua puluh empat bulan sebelum tarikh sesuatu Persidangan Kebangsaan Tahunan untuk sesuatu tahun tidak berhak menyertai melalui perwakilannya atau menghadiri melalui pemerhatinya, mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau mana-mana mesyuarat ANGKASA untuk tahun itu.

2.4 **TARIKH TUTUP PENAMAAN WAKIL**

Sila penuhkan dua salinan Borang Perwakilan yang terlampir dan satu salinan perlu dikembalikan ke **Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang Zon 1** seperti alamat yang dinyatakan **selewat-lewatnya pada hari Isnin, 10 April 2017 jam 5.00 petang. Borang Perwakilan yang diterima lewat daripada jangkamasa tersebut tidak layak didaftarkan.** Satu salinan lagi hendaklah dibawa bersama pada masa pendaftaran.

3. **ATURCARA PERSIDANGAN NEGERI**

8.30 pagi - 9.30 pagi	PENDAFTARAN (minum pagi disediakan)
9.30 pagi	PERSIDANGAN NEGERI BERMULA Aturcara Pembukaan Agenda Persidangan Negeri - Ucapan Presiden - Agenda Persidangan Negeri Seterusnya Sehingga Selesai
1.00 tengahari	PERSIDANGAN TAMAT - Makan Tengahari - Bersurai